

CLOPINE* TABLETS

Clozapine (25mg, 100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CLOPINE tablets
2. Bagaimana CLOPINE tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan CLOPINE tablets
4. Cara menggunakan CLOPINE tablets
5. Semasa menggunakan CLOPINE tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CLOPINE tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CLOPINE tablets

CLOPINE tablets digunakan untuk merawat Skizofrenia untuk pesakit di mana ubat antipsikotik yang lain tidak berkesan atau menyebabkan kesan sampingan yang teruk.

Bagaimana CLOPINE tablets berfungsi

CLOPINE tablets tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali antipsikotik. Kumpulan ubat ini digunakan untuk rawatan skizofrenia. Skizofrenia ialah penyakit mental yang menyebabkan gangguan pemikiran, perasaan dan perbuatan.

Ubat ini dikatakan berfungsi dengan membetulkan ketidakseimbangan bahan kimia di dalam otak.

Rujuk doktor jika anda mempunyai persoalan mengaoa anda perlu mengambil ubat ini. Doktor anda mungkin mempreskripsi ubat ini untuk tujuan lain. Tiada bukti bahawa ubat ini menyebabkan ketagihan.

Tiada maklumat yang mencukupi untuk mengesyorkan penggunaan ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

Sebelum menggunakan CLOPINE tablets

- Bilakah tidak boleh menggunakannya

Jangan mengambil ubat ini jika anda mengalami alahan terhadap:

- Sebarang ubat yang mengandungi clozapine
- Mana-mana bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini

Sesetengah simtom reaksi alahan mungkin termasuk seperti pernafasan pendek, berdehit, kesukaran bernafas; bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain; ruam kulit, kegatalan atau tompok-tompok merah di kulit yang gatal.

Jangan mengambil Clopine jika anda mengalami atau pernah mengalami sembelit yang teruk, usus tersumbat atau keadaan yang lain yang menjejaskan usus besar anda.

Jangan mengambil ubat ini jika anda mengalami bilangan sel darah putih yang rendah atau jika sebelum ini anda mengalami sel darah putih yang rendah yang disebabkan oleh penggunaan ubat.

CLOPINE boleh menyebabkan agranulositosis. Dengan keadaan ini, bilangan sel darah putih (yang diperlukan untuk melawan jangkitan) berkurangan. Sel-sel ini diperlukan untuk melawan jangkitan. Jika anda mengalami atau pernah mengalami kekurangan sel darah putih, anda tidak boleh mengambil CLOPINE.

Jangan mengambil CLOPINE jika anda mengalami atau pernah mengalami sebarang masalah perubatan berikut:

- Penyakit sumsum tulang
- Penyakit hati atau buah pinggang yang teruk
- Penyakit jantung yang teruk
- Masalah dengan sistem peredaran darah atau sistem saraf.
- Pengurangan fungsi peredaran darah atau sistem saraf
- Simtom penyakit hati yang aktif seperti jaundis (kekuningan pada kulit, mata, berasa sakit, hilang selera makan) atau kegagalan hati
- Epilepsi yang tidak terkawal (sawan)
- Penyakit mental yang disebabkan oleh alcohol atau dadah lain

CLOPINE tidak boleh diberi kepada sesiapa yang tidak sedarkan diri atau koma

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan atau jika bungkusan telah koyak atau ada tanda telah diusik.

Jika ia telah tamat tarikh luput atau rosak pulangkan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti samada anda perlu mula mengambil ubat ini, berjumpalah dengan doktor atau ahli farmasi.

- Sebelum mula menggunakannya

Maklumkan doktor jika anda mempunyai sebarang alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, pengawet atau pewarna.

Maklumkan doktor jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung atau ada sedang menyusukan bayi.

Doktor anda akan berbincang berkenaan risiko dan manfaat mengambil ubat ini semasa mengandung.

Beritahu doktor jika anda mengalami atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan berikut:

- Masalah jantung atau sejarah keluarga dengan masalah jantung, hati atau buah pinggang.
 - Sawan atau epilepsi yang boleh dikawal.
 - Kencing manis
 - Pembesaran prostat
 - Glaukoma (peningkatan tekanan mata)
 - Ilues Paralitik, keadaan di mana usus kecil tidak dapat berfungsi dengan baik
 - Sindrom malignan neuroleptik – reaksi terhadap ubat yang menyebabkan peningkatan suhu badan tiba-tiba, berpeluh, denyutan jantung laju, ketegangan otot dan tekanan darah turun naik, yang boleh menyebabkan koma
 - Diskinesia tardif, reaksi terhadap sesetengah ubat dengan pergerakan lidah, muka, mulut atau rahang yang tidak terkawal (seperti pipi kembung, kepuatan mulut atau pergerakan mengunyah).
- Doktor anda mungkin akan mengambil langkah berjaga-jaga khas jika anda mengalami sebarang masalah ini.
- Jika anda belum memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang sebarang keadaan di atas, maklumkan kepada mereka sebelum anda mula mengambil CLOPINE.

Beritahu doktor jika anda merokok dan berapa banyak kopi yang anda minum. Nikotin dan kafein boleh menjejaskan paras CLOPINE dalam badan. Perubahan drastik pada tabiat merokok dan meminum kopi juga boleh menjejaskan kesan CLOPINE.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat lain, termasuk yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, supermarket atau kedai makanan kesihatan. Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil, atau baru mengambil ubat yang boleh menyebabkan sembelit (seperti antikolinergik, yang digunakan untuk melegakan kekejangan perut, kejang atau mabuk perjalanan).

Sesetengah ubat dan CLOPINE mungkin mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

- Penyusutan sumsum tulang, ubat-ubat yang mengurangkan bilangan sel darah yang dihasilkan oleh badan
- Ubat tahan sakit yang kuat; contohnya: morfin
- Antihistamin – ubat yang digunakan untuk mengawal dan menghalang simtom alahan seperti alergi debu
- Ubat antikolinergik yang digunakan untuk melegakan kekejangan perut, kekejangan dan mabuk perjalanan
- Ubat penyakit Parkinson

CLOPINE* TABLETS

Clozapine (25mg, 100mg)

- Ubat penyakit darah tinggi
- Ubat yang digunakan untuk merawat denyutan jantung yang laju atau tidak menentu
- Atropine – ubat yang digunakan di dalam sesetengah ubat titis mata atau batuk
- Adrenaline – ubat yang digunakan di dalam situasi kecemasan
- Warfarin, ubat yang digunakan untuk mengelakkan penggumpalan darah
- Ubat yang digunakan untuk ulser perut, contohnya: cimetidine, omeprazole
- Ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria, contohnya: erythromycin, rifampicin
- Ubat epilepsy, contohnya phenytoin, carbamazepine, valproic acid
- Ubat-ubat lain untuk skizofrenia, penyakit mental atau kemurungan
- Ubat untuk merawat penyakit jantung
- Ubat untuk menenangkan anda atau untuk membantu anda tidur
- Nikotin di dalam ubat-ubatan yang digunakan untuk membantu berhenti merokok, contohnya: patch nikotin atau chewing gum
- Ubat yang digunakan untuk merawat kulat dan jangkitan virus
- St John's wort (*Hypericum perforatum*) – ubat herba

Ubat-ubat ini mungkin boleh terjejas dengan CLOPINE atau menjejaskan fungsi CLOPINE. Anda mungkin perlu mengambil ubat dengan jumlah berbeza, atau mungkin perlu mengambil ubat yang berbeza. Doktor anda akan menasihati anda.

Doktor atau ahli farmasi mungkin mempunyai lebih maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diambil dengan berhati-hati atau perlu dielakkan semasa mengambil CLOPINE ini.

Cara menggunakan CLOPINE tablets

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil CLOPINE seperti yang dipreskripsikan kepada anda untuk mengelakkan sebarang kesan yang tidak diingini.

Dos CLOPINE anda telah ditentukan oleh doktor anda. Dos tersebut akan bergantung kepada bagaimana tindak balas anda kepada ubat ini, atau ubat- ubat lain yang anda sedang ambil, dan sebarang keadaan

perubatan yang anda alami. Dos tersebut mungkin akan diubah dari semasa ke semasa.

Apabila anda mula mengambil CLOPINE, dos yang biasa adalah separuh tablet 25mg (12.5mg) diambil sekali atau dua kali pada hari pertama, diikuti dengan satu atau dua tablet 25mg diambil sekali atau dua kali pada hari kedua.

Jika dos ini bertindak dengan baik, dos tersebut akan ditingkatkan perlahan- lahan, selalunya di antara 200mg ke 450mg sehari. Walau bagaimanapun, sesetengah orang mungkin memerlukan dos yang lebih tinggi. Doktor anda akan menentukan dos yang paling sesuai untuk anda. Apabila manfaat maksimum dicapai, doktor anda mungkin mengurangkan dos tersebut di antara 150mg dan 300mg setiap hari.

Jika anda mempunyai penyakit jantung, buah pinggang atau hati, epilepsy atau jika anda seorang yang berusia; doktor mungkin akan memulakan dos yang lebih rendah dan akan menambah dos sedikit demi sedikit untuk mengelakkan kesan yang tidak diingini.

Jangan mengambil CLOPINE lebih atau kurang daripada yang dipreskripsi oleh doktor

Jika anda rasa dos terlalu lemah atau terlalu kuat, maklumkan kepada doctor.

Jumlah harian CLOPINE selalunya dibahagi untuk dua dos. Walau bagaimanapun, jika jumlah dos ialah 200mg atau kurang, doktor mungkin membenarkan anda untuk mengambil keseluruhan jumlah pada satu dos, selalunya pada waktu petang.

Telan CLOPINE tablet dengan segelas penuh air.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang lebih kurang sama setiap hari. Mengambil ubat pada masa yang lebih kurang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda untuk mengingati waktu untuk mengambil ubat

Anda boleh mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan

- Berapa lama lama pengambilannya

Ambil ubat ini sehingga doktor mengarahkan anda untuk berhenti. Ubat ini membantu mengawal penyakit anda, tetapi tidak menyembuhkan. Adalah penting untuk terus mengambil ubat anda walaupun anda berasa sihat

- Jika terlupa menggunakannya

Jika telah hampir dengan dos berikutnya (dalam masa empat jam), tinggalkan dos tersebut dan ambil dos berikutnya pada masa yang sepatutnya. Ataupun terus ambil sebaik sahaja anda ingat, dan terus mengambil ubat anda seperti biasa.

Jika anda tertinggal dos CLOPINE, jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang anda telah tinggalkan. Jika anda telah berhenti mengambil CLOPINE selama dua hari, jangan mula mengambil semula sebelum menghubungi doktor anda.

Untuk mengelakkan kesan sampingan yang tidak diingini, doktor mungkin akan memulakan semula CLOPINE pada dos yang lebih rendah dan meningkatkannya sedikit demi sedikit kembali kepada dos asal anda.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati masa mengambil ubat, minta sedikit petunjuk daripada ahli farmasi.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Maklumkan doktor dengan segera atau pergi ke bahagian kecemasan hospital terdekat jika anda rasa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak CLOPINE. Lakukan perkara tersebut walaupun tidak terdapat tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera. Tanda dan simptom terlebih dos CLOPINE yang paling biasa adalah termasuk: pening, kekeliruan dan koma; kepala berasa ringan; nafas pendek atau bernafas lebih perlahan, denyutan jantung laju atau tidak teratur dan menggelecek. Sekali sekala, sawan juga dilaporkan.

Semasa menggunakan CLOPINE tablets

- Perkara yang perlu dilakukan

Anda mesti melakukan ujian darah yang ketat dan kerap semasa pengambilan CLOPINE tablet.

CLOPINE tablet boleh menyebabkan agranulositosis. Keadaan ini ialah apabila kandungan sel darah putih (yang diperlukan untuk melawan jangkitan) mungkin berkurangan. Tiada cara untuk mengetahui siapa yang berisiko menghidap agranulositosis. Kes agranulositosis yang teruk boleh menyebabkan kematian.

Walaupun bagaimanapun, dengan ujian darah yang kerap, agranulositosis boleh dikesan awal, dan jika CLOPINE dihentikan secepat mungkin, jumlah sel darah putih akan kembali normal.

CLOPINE* TABLETS

Clozapine (25mg, 100mg)

Selepas memulakan CLOPINE, anda perlu melakukan ujian darah sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk 18 minggu pertama rawatan (ini adalah masa di mana risiko agranulosis paling tinggi), selepas itu sekurang-kurangnya setiap 4 minggu sepanjang mengambil CLOPINE, dan sebulan selepas berhenti mengambil ubat ini.

Doktor anda akan memaklumkan jika ujian darah perlu dilakukan dengan lebih kerap. Ujian ini akan memberitahu doktor jika sel darah putih menurun.

Terdapat sesetengah situasi di mana anda mungkin perlu menjalankan ujian darah lebih kerap (contohnya: 2 kali seminggu). Doktor akan memaklumkan kepada anda tentang hal ini.

Jika jumlah sel darah putih jatuh di bawah paras selamat, ubat ini mesti dihentikan serta-merta dan anda tidak boleh mengambil ubat yang mengandungi clozapine lagi.

Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda mengalami sembelit, sakit perut, kelemutan perut, demam, kembung perut dan/ atau cirit birit berdarah. Doktor anda mungkin perlu memeriksa anda.

Perhatikan kesan sampingan yang penting:

Jika anda mengalami denyutan jantung laju atau tidak sekata yang berlaku semasa berehat, diikuti dengan pernafasan laju, pernafasan singkat, pening atau kepala berasa ringan, atau sakit dada, hubungi doktor anda dengan segera.

Simtom-simtom ini mungkin tanda-tanda miokarditis, keradangan pada otot jantung, atau keadaan jantung yang lain. Doktor anda mungkin perlu merujuk anda kepada ahli kardiologi untuk ujian lanjut.

Jika pada sebarang tahap semasa rawatan dengan CLOPINE anda mengalami sakit tekak, ulser mulut, demam, simtom seperti selsema atau tanda jangkitan yang lain, anda perlu menghubungi doktor dengan segera. Ini adalah perlu, kerana simtom-simtom ini mungkin adalah tanda awal agranulosis. Simtom seperti demam juga mungkin tanda miokarditis.

Sesetengah pesakit demam pada beberapa minggu pertama mengambil CLOPINE. Ini selalunya tidak berbahaya. Walau bagaimanapun, anda mesti diperiksa dengan teliti untuk memastikan anda tidak mengalami jangkitan, agranulosis, miokarditis atau sindrom malignant neuroleptik, satu reaksi terhadap ubat yang boleh menyebabkan peningkatan suhu badan mendadak.

Jika anda menyedari sebarang pergerakan lidah, muka, mulut atau rahang yang tidak

terkawal, seperti kekembungan pipi, kepuatan mulut atau pergerakan mengunyah, maklumkan kepada doktor dengan segera.

Simtom ini adalah keadaan yang dinamakan diskinesia tardif yang boleh terjadi kepada orang yang mengambil ubat antipsikotik. Keadaan ini lebih cenderung berlaku semasa rawatan jangka panjang, terutamanya kepada wanita berusia. Dalam kes yang lebih jarang, ia mungkin kekal. Walau bagaimanapun jika dikesan awal, simtom-simtom ini boleh dipatah balik. Jika anda baru hendak memulakan sebarang ubat baru, ingatkan doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil CLOPINE. Maklumkan mana-mana doktor atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Jika anda akan menjalani pembedahan maklumkan pakar bedah atau pakar bius bahawa anda sedang mengambil ubat ini. Ia mungkin mengganggu ubat-ubatan lain yang digunakan semasa pembedahan.

Jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini, maklumkan kepada doktor anda dengan segera. Pastikan anda menghadiri semua temujanji doktor supaya perkembangan anda boleh diperiksa. Doktor anda mungkin perlu melakukan ujian dari semasa ke semasa untuk memastikan ubat ini berkesan dan mengelakkan kesan sampingan yang tidak diingini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil CLOPINE untuk merawat sebarang penyakit lain melainkan diarahkan oleh doktor.

Jangan memberi ubat kepada orang lain walaupun simtom mereka serupa atau mereka mempunyai penyakit seperti anda.

Jangan berhenti mengambil ubat atau menurunkan dos tanpa nasihat doktor.

Jika anda berhenti mengambilnya secara tiba-tiba, keadaan anda mungkin akan lebih teruk.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu kesan CLOPINE terhadap anda. Ubat ini boleh menyebabkan pening, ringan kepala atau pengsan kepada sesetengah orang. Jika anda mengalami sebarang simtom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara yang berbahaya.

Jika anda berasa ringan kepala, pening atau pitam apabila bangun dari katil atau berdiri, lakukannya secara perlahan-lahan.

Bangun perlahan-lahan, terutamanya apabila bangun dari katil atau kerusi, ini akan membantu badan anda biasa dengan perubahan posisi dan tekanan darah. Jika masalah ini berterusan atau menjadi semakin teruk, berbincanglah dengan doktor anda.

Berhati-hati semasa mengambil alkohol atau apabila mengambil antihistamin (ubat untuk demam debunga, alahan atau selsema), ubat tidur atau ubat untuk melegakan sakit semasa mengambil ubat ini.

Jika anda meminum alkohol, atau mengambil ubat-ubatan, mengantuk, pening atau ringan kepala mungkin akan lebih teruk. Ubat ini mungkin mempengaruhi cara badan mengawal suhu, dan ia mungkin menghalang dari berpeluh walaupun di dalam cuaca panas. Senaman, mandian panas atau sauna boleh menyebabkan anda berasa pening atau pengsan semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Maklumkan doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda berasa tidak sihat semasa mengambil CLOPINE tablet.

Ubat ini membantu kebanyakan pesakit yang menghidap skizofrenia tetapi ia mungkin meninggalkan kesan sampingan untuk sesetengah orang.

Semua ubat memberi kesan sampingan. Sesetengahnya serius dan kebanyakannya tidak serius. Anda mungkin perlu rawatan perubatan jika anda mengalami kesan sampingan.

Jika anda berumur 65 tahun ke atas, risiko untuk mengalami kesan sampingan adalah lebih tinggi.

Jangan berasa risau dengan senarai kesan sampingan berikut.

Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda ada sebarang soalan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi secepat mungkin jika anda menyedari sebarang yang berikut dan ia merisaukan anda:

- Keletihan dan mengantuk
- Pening, pitam, ringan kepala
- Air liur berlebihan
- Kekeringan mulut
- Penambahan berat badan
- Sembelit
- Demam ringan
- Sakit kepala
- Kegelisahan atau mimpi yang jelas
- Peluh berlebihan
- Ereksi berpanjangan
- Penglihatan kabur

CLOPINE* TABLETS

Clozapine (25mg, 100mg)

- Sakit perut, kejang, abdomen bengkak, muntah, sembelit dan kegagalan melepaskan gas yang mungkin tanda-tanda dan simptom usus tersumbat.

Ini adalah kesan-kesan sampingan yang biasa untuk ubat ini. Ia selalunya ringan. Jika sebarang yang berikut berlaku, maklumkan doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kemalangan dan Kecemasan atau klinik yang berhampiran:

- Sakit tekak, ulser mulut, demam, sebarang simptom seperti selsema seperti kelenjar membengkak atau sebarang tanda jangkitan lain
- Tanda reaksi alahan seperti gatal, ruam kulit, gatal-gatal, muka, bibir atau lidah bengkak, kesukaran menelan atau bernafas
- Kenaikan suhu badan mendadak, berpeluh, denyutan jantung laju, kekakuan otot yang mungkin simptom sindrom malignan neuroleptik.
- Denyutan jantung yang laju atau tidak teratur walaupun semasa berehat
- Tanda gumpalan darah telah terbentuk, seperti sakit kepala teruk tiba-tiba, hilang koordinasi secara tiba-tiba, penglihatan kabur, percakapan tidak jelas, kebas tangan atau kaki
- Anda mengalami pergerakan lidah dan rahang, muka dan mulut yang tidak terkawal (seperti pembengkakan pipi, pergerakan mengunyah, kepuatan mulut). Ini adalah simptom-simptom yang sangat jarang berlaku yang dikenali sebagai diskinesia tardif
- Kekeliruan/ kecelaruan
- Hilang koordinasi, menggigil atau ketegaran
- Sawan
- Jaundis, atau kulit dan/ atau mata kuning
- Masalah kencing – kesukaran untuk melepaskan urin (air) atau darah di dalam urin; hilang kawalan pundi kencing
- Tanda-tanda hilang kawalan gula dalam darah seperti dahaga berlebihan, membuang terlalu banyak urin, mulut dan kulit kering
- Ereksi berterusan yang menyakitkan
- Sakit kepala teruk
- Kabur penglihatan atau hilang penglihatan
- Kejang dan kaku otot
- Sakit badan atau belakang
- Sakit perut disertai loya dan muntah
- Percakapan tidak jelas
- Lebam atau berdarah yang luar biasa
- Sakit dada

Ini adalah kesan-kesan sampingan yang serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda menyedari perkara lain yang menyebabkan anda tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers->Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]”

Cara penyimpanan dan pelupusan

- Penyimpanan

Simpan tablet dalam bekas asal sehingga masa untuk mengambilnya. Jika anda tinggalkan tablet di luar bekas asal, tablet itu tidak akan disimpan dengan baik.

Simpan tablet di tempat yang sejuk dan kering, jauh daripada cahaya di mana suhu kekal di bawah 30°C.

Jangan simpan CLOPINE atau sebarang ubat lain dalam bilik mandi atau berhampiran sinki. Jangan tinggalkan ubat dalam kereta atau pada bibir tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Simpan ubat jauh dari capaian kanak-kanak. Almari berkunci sekurang-kurangnya satu meter setengah di atas tanah ialah tempat yang baik untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor memberitahu anda untuk berhenti mengambil ubat ini atau tablet telah melepasi tarikh luput, tanya ahli farmasi apa yang patut dibuat pada ubat yang tertinggal. Anda perlu ingat bahawa anda masih perlu melakukan ujian darah selama sebulan selepas berhenti mengambil ubat ini.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

CLOPINE 25mg tablets- tablet bulat, kuning dan permukaan serong dan rata yang dicetak timbul “25” ke atas garisan putus pada satu permukaan, manakala permukaan lain adalah kosong

CLOPINE 100mg tablets- tablet bulat, kuning dan permukaan serong dan rata yang dicetak timbul “100” ke atas garisan putus pada satu permukaan, manakala permukaan lain adalah kosong

Saiz bungkusan:

Kedua-dua CLOPINE 25 dan CLOPINE 100 didatangkan dalam blister pek 50 atau

100. Kuantiti yang dibekalkan oleh ahli farmasi akan ditentukan oleh doktor anda.

- Baha-bahan

- Bahan aktif

Clozapine

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, sodium starch glycollate, Povidone, Magnesium stearate, Lactose, Purified water

- MAL nombor:

Clopine 25 mg Tablets

MAL06061680AZ

Clopine 100 mg Tablets

MAL06061681AZ

*Clopine adalah tanda dagang berdaftar di New Zealand dan Malaysia.

Pengilang

Douglas Manufacturing Ltd,
Corner Te Pai Place & Central Park Drive,
Lincoln, 0610
Auckland, New Zealand

Pemegang Pendaftaran Produk

SCHMIDT BIOMEDTECH SDN BHD
5th Floor, Wisma Tecna, 18A, Lot 318,
Jalan 51A/223, 46100 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini

01/07/2023

Nombor Siri

NPRA(R2/1)240320/1230